

UCAPAN PERDANA MENTERI SELAKU Pengerusi
BARISAN NASIONAL DAN PRESIDEN UMNO DI MAJLIS
PERJUMPAAN MIC BAGI MENINGATI MENDIANG TAN
SRI V. MANICKAVASAGAM, DI PUSAT PANDU PUTERI
BRICKFIELDS, KUALA LUMPUR PADA 9^{HB} MAC, 1980

Hampir lima bulan yang lalu negara kita bersugul kerana kematian secara mengejut mendiang Tan Sri V. Manickavasagam¹. Harimau mati meninggalkan belang; manusia mati meninggalkan nama; dan budi yang baik tetap dikenang. Hari ini MIC mengadakan majlis perjumpaan bagi mengingati khidmat-bakti jasa cemerlang, dedikasi dan kejujuran mendiang Tan Sri Manickavasagam.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, khususnya kepada Dato' S. Samy Vellu² kerana memberi peluang kepada saya melahirkan perasaan sedih dan simpati saya sendiri serta menyampaikan ucapan takziah kepada MIC dan keluarga mendiang Tan Sri V. Manickavasagam.

Sesungguhnya, kematian Tan Sri Manickavasagam adalah satu kehilangan yang besar bagi diri saya sendiri; saya kehilangan seorang sahabat karib dan seorang rakan politik. Memang banyak kata-kata manis dan penghormatan yang telah dilafazkan mengenai mendiang Tan Sri Manickavasagam sejak peninggalannya ke alam baqa.

Sebagai seorang veteran politik yang paling lama berkhidmat dalam Jemaah Menteri Persekutuan, mendiang Tan Sri Manickavasagam semasa hayatnya, telah banyak membuat jasa kepada kaumnya dan negaranya. Sumbangannya terhadap kebajikan dan kepentingan kaum pekerja terutamanya mengenai pelaksanaan Skim Keselamatan Sosial, telah membawa faedah yang berkesan. Demikianlah juga jasanya kepada badan-badan antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

1 Menteri Perhubungan (1975-1979).

2 Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam.

Sebagai seorang pengasas MIC, salah seorang pelupur Perikatan dan Barisan Nasional, mending Tan Sri Manickavasagam telah banyak mengorbankan masa dan tenaga dalam usaha memelihara perpaduan kaum serta mewujudkan toleransi dan persefahaman di kalangan rakyat. Seorang yang berhemah tinggi, berbudi bahasa dan bertimbangrasa, mending Tan Sri Manickavasagam sentiasa mengambil berat di atas kesulitan dan penderitaan rakyat.

Sesungguhnya, dengan kematian Tan Sri V. Manickavasagam, kita telah kehilangan seorang negarawan yang gigih dan MIC kehilangan seorang pemimpin yang aktif dan cergas.

Dengan perasaan yang amat sedih saya menyampaikan takziah yang tidak terhingga kepada MIC dan juga kepada keluarga Tan Sri V. Manickavasagam.